

14/01/2003

Johor tidak perlu lagi air bersih dari Singapura

A Ghani Nasir

SETIAP kali Malaysia mempertikaikan sikap tamak Singapura yang mengaut keuntungan berlipat ganda daripada penjualan air kepada rakyatnya dan kapal yang berlabuh di pelabuhannya, republik itu masih mampu menempelak Johor.

Memang benar semua orang tahu sejak 1927 lagi, Singapura hanya mahu membayar tiga sen bagi 1,000 gelen air mentah disedut dari sungai di Johor. Sebaliknya, air dibersihkannya itu dijual dengan kadar RM12.10 sen setiap 1,000 gelen kepada penduduknya dan sehingga RM20 bagi 1,000 gelen kepada kapal.

Tetapi Kementerian Luar Singapura dalam satu kenyataan kepada majalah Far Eastern Economic Review, lewat tahun lalu, mendakwa air mentah dari tiga sungai di Johor itu tidak boleh diminum.

Singapura membelanjakan RM2.40 bagi merawat setiap 1,000 gelen air mentah dan menjualnya semula kepada Johor dengan kadar 50 sen - bermakna ia menanggung subsidi RM1.90. Johor pula menjual semula air itu pada kadar RM3.95 setiap 1,000 gelen.

Namun, suara sumbang Singapura itu pasti lenyap apabila kita tidak lagi memerlukan bekalan air bersih dari Lembaga Perbekalan Awam (PUB) republik itu mulai pertengahan tahun ini.

Bekalan dari Skim Air Semanggar, Kota Tinggi mengubah segala-galanya apabila ia menyalurkan semua keperluan penduduk di sebahagian kecil Pontian, Kota Tinggi dan Johor Bahru yang selama ini bergantung kepada air dibekalkan oleh PUB.

Dengan sendirinya juga kerajaan Johor tidak lagi perlu membayar RM5 juta setahun bagi membeli air bersih dari republik itu sedangkan jiran kita itu cuma membayar RM3 juta setahun bagi 130 juta gelen air diambilnya dari tiga sungai.

Bagaimanapun, tamatnya soal pembelian air bersih itu tidak mengakhiri isu air di antara Singapura dan Malaysia. Ini kerana belum pun mansuh Perjanjian Bekalan Air pertama pada 2011, diikuti perjanjian kedua pada 2061, Singapura sudah giat menyatakan hasrat mahu mendapatkan bekalan air mentah berterusan.

Setakat ini, dua pusingan rundingan mengenai semakan harga air, iaitu menaikannya dari hanya tiga sen bagi 1,000 gelen tahun lalu, menemui jalan buntu.

Ini memandangkan Singapura mahu soal semakan semula harga air mentah itu dikaitkan sekali dengan rundingan mengenai harga air mentah bagi bekalan sehingga 100 tahun lagi sehingga 2161.

Dalam soal air ini, satu fakta yang tidak dapat disangkal ialah air

itu

milik Malaysia dan sepatutnya negara inilah yang menentukan syaratnya. Tetapi Singapura berlagak seolah-olah ia mempunyai hak ke atas air Johor.

Memandangkan pemimpin republik itu mahu segala yang tertera dalam perjanjian dimeterai, dipatuhi tanpa menimbang dan mengambil kira langsung soal semangat kejiranan, ikatan sejarah, muhibah, tali persaudaraan dan kenangan indah zaman lampau, maka Malaysia juga perlu bertegas dalam mempertahankan haknya.

Selama ini jelas sikap Singapura dalam berurusan dengan Malaysia tidak langsung menampakkan ia bersedia bertolak ansur sejajar semangat kejiranan, setia kawan dan kesan pertalian sejarah yang begitu mendalam.

Jika sebelum ini, kerajaan Goh Chok Tong begitu mudah memberi tafsiran terhadap Perjanjian 1961 dan 1962, lantas menidakkan hak Malaysia menyemak semula harga air mentah itu, maka kini jelas sudah tiba masanya Malaysia mengenakan syarat.

Malaysia juga perlu berkeras dengan pendiriannya bahawa perjanjian baru bekalan air bagi menggantikan perjanjian yang akan tamat pada 2011 dan 2061 hanya perlu dirundingkan setelah selesai penyemakan harga air mentah mengikut perjanjian itu.

Malaysia juga sudah perlu memberi notis bahawa ia tidak lagi mahu membekalkan air mentah kepada Singapura. Kiranya Singapura mahu terus menikmati air dari Johor, republik itu boleh membeli air yang sudah dirawat.

Dan harganya tentulah apa yang dikenakan kepada penggunaannya - domestik, perindustrian atau perkapalan - ditolak kos penyalurannya.

Kadar harga air bersih bagi kegunaan domestik iaitu bagi penduduk Singapura yang ditetapkan pula tidak sama dengan air yang dirancang untuk dibekalkan oleh republik itu bagi kapal yang berlabuh di pelabuhan atau di perairan Eastern Anchorage.

Sebelum ini, Singapura mungkin memberi alasan ia hanya menjual satu peratus daripada air bersih kepada kapal asing, tetapi dengan penggunaan air bersih mencapai 1.4 bilion liter sehari di pulau itu, kadar kecil yang dijualnya itu tetap mencapai berjuta dolar.

Apakah ia masih mahu membeli air mentah dengan anggapan Malaysia bersedia menyambung Perjanjian 1962 menjangkau 2161 dan menolak pembelian air bersih daripada kita?

Ia seboleh-bolehnya mahu menidakkan pergantungannya kepada bekalan air mentah atau bersih daripada kita.

Berdasarkan rancangan yang dirangka dan diuar-uarkan beberapa bulan kebelakangan ini, jelas Singapura mahu meluaskan lagi jaringan bekalan air mentahnya.

Bermula dengan kejayaan mempromosi penghasilan air kumbahan dikitar semula (air kotor dari tandas dan bilik mandi) yang dijaja sebagai

Newater, republik itu juga mengumumkan projek menakung air hujan di beberapa estet perumahannya.

Jika kata-kata pegawai kanannya di meja rundingan dapat dijadikan panduan, Singapura jelas masih memikirkan Malaysia bersedia membekalkannya

air mentah dari sungai di Johor selepas September 2061.

Andainya ini benar, maka boleh dikatakan perunding Singapura itu nampaknya membuat perkiraan yang jauh tersasar atau sengaja tidak mahu menerima hakikat.

Menjelang pertengahan tahun ini, Skim Air Semanggar yang menelan belanja RM650 juta untuk dibina itu mampu membersihkan dan menyalurkan 160 juta liter

air sehari - membolehkan seluruh Johor berdikari.

Ini dengan sendirinya bermakna kita mampu mengisi keperluan kita sendiri

dan boleh menjual lebih bekalan air sudah dirawat itu.

Kapasiti tinggi Loji Semanggar yang mengisi sebahagian daripada keperluan 530 juta liter air sehari bagi seluruh Johor sekali gus memberi

kelebihan kepada negeri itu dalam sebarang percaturan dengan Singapura.

Ini tentunya dibantu lagi dengan pengambilalihan loji Sungai Pulai, Sungai Skudai dan Sungai Tebrau yang dikendalikan PUB oleh Syarikat Air Johor

sejajar dengan termansuhnya Perjanjian Air 1961 pada 2011.

Mengikut perjanjian berkenaan, Johor membekalkan 80 juta gelen air sehari ke Singapura dari skim air Pulai, Sungai Tebrau dan Sungai Skudai sehingga 31 Ogos 2011.

Persoalannya apakah pengambilalihan itu akan dilaksanakan dan dipermudahkan oleh Singapura sebagaimana terkandung dalam Perjanjian 1961

atau ia akan berlengah dan memperlecehkan penyerahan loji dan tidak ketinggalan kawasan tadahan seluas 2,100 ekar tanah di sekitar Gunung Pulai?

Singapura mempunyai hak ke atas kawasan tadahan itu selama 21 tahun dengan hanya dikenakan bayaran sewa tahunan RM5 seekar. Ini mengikut perjanjian di antara Sultan Ibrahim dengan Pesuruhjaya Majlis Perbandaran

Singapura pada 1927. Hak ini disebut lagi dalam Perjanjian 1961 dan 1962.

Satu lagi perkara yang tidak dapat ditolak adalah kemungkinan Singapura

menuntut pampasan bagi penyerahan tiga loji dan kawasan tadahan Gunung Pulai itu sebagai bayaran bagi segala perbelanjaan membangunkan kemudahan

dan memelihara tempat berkenaan.

Syarikat Air Johor tidak menolak kemungkinan itu. Kita perlu nantikan saat termansuhnya Perjanjian 1961 itu bagi melihat sikap dan muslihat Singapura.

Tetapi jangan lupa bagaimana kerajaan Chok Tong mengatur strategi bagi menidakkan hak Tentera Laut Diraja Malaysia (TUDM) menggunakan pangkalan di Woodlands.

Dengan menaikkan kadar sewa kepada tahap yang tidak munasabah, segala kemudahan TLDM di Woodlands berpindah tangan kepada Singapura tanpa

sesen

pun pampasan diberikan kepada Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri  
Dr

Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Kita meninggalkan Woodlands walaupun mengikut persetujuan dengan  
penjajah British kita boleh menggunakan kemudahan di pangkalan itu  
sehingga bila-bila selagi diperlukan.